



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

PENJAGAAN KULIT SELEPAS RAWATAN LASER

- Anda mungkin mengalami kemerahan dan sedikit bengkak pada kawasan kulit yang dirawat. Ini biasanya beransur-ansur reda. Dalam sesetengah pesakit, pigmentasi mungkin menjadi lebih gelap selama beberapa hari. Jika bengkak berterusan atau berasa tidak selesa, anda boleh menggunakan pek ais selama 10 minit setiap 2 jam dan mengambil ubat antihistamin yang kurang mengantuk seperti cetirizine atau loratadine. Jika anda mengalami bengkak di sekeliling mata anda, sila tidur lebih tegak sedikit untuk 2 malam pertama.
- Anda mungkin mengalami sedikit lebam. Ini biasanya akan sembuh dalam seminggu tanpa parut.
- Gunakan pelindung matahari dengan SPF50 dengan kerap sekurang-kurangnya sebulan selepas rawatan laser dan lebih lama jika kulit kemerahan.
- Gunakan pembersih yang lembut untuk mencuci muka anda sekali atau dua kali sehari dan sapukan pelembap ringan sekurang-kurangnya dua kali sehari untuk beberapa hari pertama kerana kulit mungkin berasa kering dan tegang selepas rawatan.
- Untuk penyakit kulit tertentu yang dirawat dengan laser, anda mungkin diberi salap atau krim antibiotik untuk disapu di bahagian kulit yang dirawat. Sila guna seperti yang diarahkan.
- Jika rasa kesemutan, pedih atau kegatalan tidak dapat dilegakan dengan pelembap, anda boleh menambahkan penggunaan semburan air thermal mengikut keperluan.

The information provided in this document is intended as an resource only and should not be used as a substitute for professional diagnosis and treatment. Please consult your health care provider before making any health care decisions or for guidance about a specific medical condition.



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

PENJAGAAN KULIT SELEPAS RAWATAN LASER

- Anda boleh menggunakan krim foundation atau solekan 24 jam selepas rawatan kecuali pada bahagian kulit yang berkerak, kulit yang pecah atau di bahagian luka.
- Elakkan:
 - o Senaman yang kuat selama 3 hari selepas rawatan
 - o Scrub, exfoliator, asid salisilik, asid glikolik, retinol/tretinoin, hidrokuinon dan toner selama 1 minggu selepas rawatan
 - o Microdermabrasion, facial, waxing dan pengelupasan dengan bahan kimia (chemical peeling) selama 1 minggu selepas rawatan
- Jika anda mengalami kulit yang berkerak, berkudis atau melepuh, sila hubungi doctor anda. Sementara itu, pastikan kawasan tersebut bersih dan sapukan Vaseline dua kali sehari.

The information provided in this document is intended as an resource only and should not be used as a substitute for professional diagnosis and treatment. Please consult your health care provider before making any health care decisions or for guidance about a specific medical condition.